The Entrepreneur Development and Cooperatives deputy minister said that 36 JMK programmes had been conducted in 19 parliamentary constituencies nationwide

from January to June 7.

"JMK has benefited 90,535 consumers, including cooperative members and the local community," he said, Bernama reported.

"This programme has also recorded total sales of RM3.6mil through 95 cooperatives appointed as sales operators," he told a press conference after a walkabout at the JMK programme organised by SKM in conjunction

with the Hari Raya Aidiladha celebration in Kota Damansara here yesterday.

Also present was Cooperative Societies Commission of Malaysia (SKM) executive chairman Rusli Jaafar.

Ramanan said over RM1.044mil in incentives had been earmarked for cooperatives appointed as operators of JMK through SKM.

He also handed over contribu-

tions from the Cooperative Emergency Assistance Fund (TBKK) to cooperatives affected by natural disasters.

"To date, 11 applications have been approved under TBKK involving an allocation of RM197,000," he said.

The assistance covers part of the cost of repairing damages to premises, assets or replacing products lost during disasters.

THE STAR

Tarikh: 11 0 JUN 2024

By DALJIT DHESI
daljit@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Communications and Multimedia Content Forum of Malaysia (Content Forum) fully backs the Malaysian Communications and Multimedia Commission's (MCMC) suggestions for the regulatory measures needed to govern the use of artificial intelligence (AI) in content creation and distribution.

This came after MCMC member Derek John Fernandez's recent recommendations regarding the urgent need for regulatory measures to govern the use of AI in content creation and distribution.

Fernandez highlighted the critical importance of curbing the misuse of AI technologies, such as deepfakes, which can significantly threaten public peace and national security.

He emphasised the necessity for a regulatory framework that mandates clear disclosure when images or videos are generated by AI, thereby preventing the spread of misinformation and protecting individuals from becoming victims of online fraud.

Content Forum CEO Mediha Mahmood said the regulatory body aligns with these recommendations, recognising that they are in perfect harmony with its mission to advocate the self-regulation of content within Malaysia's digital space, as outlined in the Malaysian Communications and Multimedia Content Code 2022 (Code).

This Code highlights the importance of transparency, already requiring disclosures when influencers are used for marketing purposes.

Extending these principles to include AI-generated content will further strengthen consumer trust and protect the community from misleading information.

Content Forum is an independent self-regulatory body registered under the MCMC as an industry forum designated by the Communications and Multimedia Act 1998 to oversee and promote self-regulation of content over the electronic networked medium.

Meanwhile, Content Forum chairman Rafiq Razali emphasised the collective responsibility in ensuring the safe use of AI

Content Forum backs AI governance suggestion

Curbing misuse in content creation, distribution crucial

"The Content Forum is confident that by taking proactive measures, we can fully harness the transformative benefits of AI, while maintaining a safe and secure digital landscape."

Mediha Mahmood

in content creation, stating: "AI has immense potential to revolutionise the content industry, driving unprecedented levels of creativity and efficiency.

"Yet, this potential must be managed with careful consideration. It is imperative that the lawmakers, AI service providers, regulators and content creators work collaboratively to allocate sufficient resources and ensure these technologies are used responsibly.

"Prioritising user safety and maintaining the integrity of digital content are crucial to fostering a trustworthy content environment," he said.

Mediha said recent incidents where deepfake videos featuring well-known public figures went viral had caused widespread confusion within the community.

Furthermore, there are cases where AI-generated content has been used to scam the unsuspecting public with highly believable content. These incidents are a stark reminder of how easily AI can be

misused to manipulate information and deceive the public, she noted.

By implementing regulations like mandating the disclosure of AI-generated content, she said it is possible to mitigate these risks and safeguard the community from digital deception.

Mediha added: "When the Internet was first introduced, we could not anticipate the full range of challenges that would arise, from cyberbullying to misinformation.

"These issues continue to evolve and Malaysia remains committed to addressing them through effective legislation and regulation.

"As we stand on the brink of widespread AI adoption, we must learn from past experiences."

Mediha emphasised that pre-empting potential harms through swift and effective regulation is not just prudent, but is also essential.

"The Content Forum is confident that by

taking proactive measures, we can fully harness the transformative benefits of AI, while maintaining a safe and secure digital landscape.

"It encourages all stakeholders within the digital content ecosystem to work together in developing robust regulatory frameworks that protect user interests and promote innovation," Mediha noted.

As an industry self-regulatory body, the Content Forum comprises key members of the communications and multimedia content industry, including broadcasters, advertisers, content creators, Internet access service providers and civic groups.

This dynamic and robust representation of industry practitioners ensures that content standards continue to be developed with the objective of establishing a level playing field in the industry.

It is also responsible for the implementation and enforcement of the Malaysian Communications and Multimedia Content Code (Content Code). The Content Code was prepared by the Content Forum and first registered with MCMC on Sept 1, 2004, with a revamp in 2022.

The Content Code is the principal source for industry self-regulation as it contains governing standards and best practices for content dissemination within the communications and multimedia industry in Malaysia.

The main objective of the Content Code is to outline procedures of self-regulation that provides the platform for creativity, innovation and healthy growth of fast-evolving industry.

THE STAR

Tarikh: 10 JUN 2024

Move to keep invasive fish at bay

Selangor mulls paying to remove catfish which disrupt local ecosystems

By MEGAT SYAHAR
megatsyahr@thestar.com.my

THE Suckermouth catfish, native to South America and known locally as *ikan bandaraya*, may soon have a bounty on their heads.

Selangor infrastructure and agriculture committee chairman Izham Hashim said the invasive catfish was disrupting the ecosystems, affecting local fish and causing erosion of riverbanks.

The state government is considering incentivising the capture of the fish from rivers, he said.

"This is because of their rapid breeding rates which led to their widespread presence across the Klang Valley including in Sungai Klang, Sungai Selangor and possibly Sungai Bernam.

"We need to streamline it (campaign) at the state level.

"We are educating the people and aim to make them aware of

the condition of our rivers," he said during a local fish conservation programme at Denai Sungai Langat in Bangi, Selangor.

He also said that state was reviewing river fishing methods and aquaculture practices to ensure fishery sustainability.

"The revision will help the Selangor Fisheries Department to efficiently monitor the entry of foreign fish into local waters."

The programme involved the removal of non-native fish species where about 2,000 Suckermouth catfish, weighing over 700kg, were caught in Sungai Langat.

"The average weight for each fish is 600g. The size is of great concern," said Izham.

The catfish, he said, could be processed into pellets and sold as fish feed.

Izham said the fish, with its armour-like skin and sharp fins, were usually kept in aquariums



Izham (in black) looking at the Suckermouth catfish fished out from the river. — CHAN TAK KONG/The Star

to feed on algae and keep tanks clean.

"Once they grow larger, fish owners release them.

"If thousands are kept and then released, they can disrupt our ecosystem," said Izham.

Some 116 volunteers from Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya attended the event, a collaboration of state Fisheries Department, state Drainage and Irrigation Department, Universiti Kebangsaan Malaysia,

Universiti Teknologi Mara, Civil Defence Force, Lembaga Urus Air Selangor and Air Selangor.

During the event 10,000 *ikan lampam* (Tinfoil barb) fish fry were released into the river.

THE STAR

Tarikh: 10 JUN 2024

180 pengamal media sertai pertandingan boling MBPJ

SERAMAI 180 pengamal media dan kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyertai pertandingan boling bertemakan 'Santai Boling MBPJ Bersama Media 2024' bertempat di Sunway Mega

Lanes, Sunway Pyramid Mall, kelmarin.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohamad Zahri Samingon berkata, penganjuran acara itu bertujuan untuk menjalin dan mengukuhkan hubungan baik antara pihak MBPJ dan

pengamal media tempatan. "Melalui acara seperti ini, diharapkan hubungan yang terjalin akan terus kukuh dan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dalam usaha membangunkan Petaling Jaya sebagai bandar yang maju dan

sejahtera," katanya dalam satu kenyataan.

Program tersebut diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun Perisytiharan Bandaraya Petaling Jaya ke-18 yang bakal berlangsung 20 Jun hadapan.

■ PENGAMAL media dan kakitangan MBPJ bergambar sebelum pertandingan boling bermula di Sunway Mega Lanes, Sunway Pyramid Mall, kelmarin.



SINAR HARIAN
Tarikh: 11 0 JUN 2024

Ringgit dijangka kembali kepada paras RM4.70 atau lebih rendah berbanding dolar AS pada minggu ini.

Foreign Exchange Counter Rates

Currency	Selling TT100	Buying TT	Buying DO
1 Australian Dollar	2	2	05
1 Brunei Dollar			
1 Canadian Dollar			
1 Euro			
1 New Zealand			
1 Papua New			

MATA WANG

Ringgit dijangka diniagakan rendah

Sinar 10/6

Berbanding dolar AS pada minggu ini

KUALA LUMPUR

Ringgit dijangka diniagakan rendah berbanding dolar AS minggu ini, kembali kepada paras RM4.70 atau lebih rendah, selepas data senarai gaji bukan ladang (NFP) Amerika Syarikat (AS) yang dikeluarkan mencatatkan lebih kukuh daripada jangkaan, kata Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid.

Beliau berkata, kenaikan NFP yang melebihi jangkaan itu dijangka akan meningkatkan permintaan terhadap dolar AS.

Prospek jangka pendek untuk ringgit sebelum ini dilihat sebagai positif, dengan penganalisis menjangka mata wang tempatan akan kekal di bawah 4.70 berbanding dolar AS.

Bagaimanapun, laporan NFP pada Mei, yang menunjukkan 272,000 pekerjaan baharu pada bulan tersebut berbanding unjuran konsensus sebanyak 182,000 telah mengubah perspektif tersebut, katanya kepada Bernama.

"Pasaran akan menilai data baharu yang dikeluarkan dan langkah-langkah prospektif yang diambil oleh AS, terutamanya selepas bank-bank pusat mula menurunkan kadar faedah.

"Mereka akan melihat kepada NFP dan data ekonomi lain, yang sebelum ini menunjukkan prestasi sektor pembuatan AS lemah, laporan pekerjaan AS pada April, laporan pengambilan pekerja AS oleh majikan swasta pada Mei dan tuntutan pengangguran awal," katanya.

Mohd Afzanizam berkata, pasaran akan memantau mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan yang akan datang dijadualkan pada 11 hingga 12 Jun depan.

Katanya, walaupun Rizab Persekutuan (Fed) AS dijangka mengekalkan kadar tidak berubah, unjuran makroekonomi terkini Fed akan menjadi tumpuan utama.

"Ini terutamanya, unjuran untuk Kadar Dana Fed sama ada mereka akan mengikut perancangan mereka untuk menurunkan kadar pada tahun ini. Ini akan menjadi panduan dan akan menentukan sentimen pasaran dalam tempoh terdekat," katanya.

Pada asas Jumaat kepada Jumaat, ringgit naik kepada 4.6900/6940 berbanding dolar AS daripada 4.7050/7080 minggu lepas.

Pada minggu dagangan yang singkat yang baru berakhir, ringgit diniagakan rendah berbanding sekumpulan mata wang utama.

Mata wang tempatan merosot berbanding pound kepada 6.0009/0060 daripada 5.9876/9914 pada Jumaat lepas, susut berbanding euro kepada 5.1079/1122 daripada 5.1035/1068 pada minggu sebelumnya dan turun berbanding yen Jepun kepada 3.0163/0190 daripada 2.9901/9922.

Sementara itu, ringgit diniagakan bercampur-campur berbanding mata wang ASEAN.

Tetap harga diesel secara mingguan

Sinar
10/6

Perubahan harga akan mengikut formula APM yang akan dibuat pada setiap hari Rabu

PUTRAJAYA



AMIR HAMZAH

Kerajaan menetapkan harga diesel di stesen minyak di Semenanjung Malaysia ditetapkan pada kadar RM3.35 seliter, kenaikan sebanyak RM1.20 dari RM2.15, bermula Isnin.

Kenaikan tersebut selaras dengan pelaksanaan penyasaran subsidi bahan api berkenaan.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, penetapan dibuat mengikut harga pasaran tanpa subsidi berdasarkan purata bulan Mei 2024 mengikut formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

Menurutnya, untuk tempoh seterusnya, harga diesel semasa akan diumumkan pada setiap Rabu mengikut amalan semasa Kementerian Kewangan.

"Namun, kerajaan akan terus memantau keadaan semasa bagi mengelakkan ketidakstabilan harga. Kerajaan sudah bertahun-tahun mengawal harga di stesen-stesen minyak. Ada kaedah yang kita boleh stabilkan harga. Jadi, kalau ada lonjakan harga kita akan cuba stabilkan harga.

"Namun kalau kenaikan har-

ga drastik dijangka dalam tempoh lama, kita akan lihat bagaimana kaedah terbaik yang kita boleh buat," katanya pada sidang akhbar Penyasaran Subsidi Diesel di sini pada Ahad.

Beliau menegaskan, penyasaran semula subsidi yang dilakukan kerajaan adalah memastikan ia memanfaatkan golongan yang benar-benar layak sahaja dan mahu ketirisan yang amat merugikan rakyat dan negara dihentikan.

Katanya, dengan langkah itu juga, kerajaan menjangkakan pengurangan serta-merta kerugian daripada aktiviti ketirisan yang boleh membawa kepada penjimatan sebanyak RM4 bilion setahun.

"Penjimatan yang diperoleh kerajaan daripada langkah penting ini akan memastikan terdapat lebih banyak sumber untuk disalurkan ke dalam sektor kritikal lain yang secara langsung akan meningkatkan kualiti hidup rakyat, termasuk infrastruktur awam, penjagaan kesihatan dan pendidikan untuk anak-anak kita," katanya.



Beliau berkata, subsidi diesel meningkat 10 kali ganda dari RM1.4 bilion pada 2019 kepada lebih RM14.3 bilion tahun lepas.

"Jumlah diesel bersubsidi meningkat mendadak dari 6.1 bilion liter tahun 2019 kepada 10.8 bilion liter tahun 2023 walaupun bilangan kenderaan diesel tidak bertambah dengan ketara. Ini menunjukkan subsidi yang diberi tiris, dan tidak dapat dimanfaatkan oleh golongan sasaran," katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata, tiada tarikh tutup ditetapkan bagi permohonan bantuan subsidi tunai di bawah inisiatif Budi Madani.

Katanya, seramai 30,000 pemilik kenderaan diesel akan menerima RM200 bantuan tunai bulanan pertama bawah inisiatif tersebut pada Isnin.

"Sekali lagi, saya ingin mengingatkan rakyat Malaysia yang layak untuk memohon bantuan tunai ini. Mereka yang memohon pada bulan Jun akan layak menerima bantuan tunai untuk bulan Jun dan seterusnya.

"Mereka yang terlepas mem-

buat permohonan pada bulan Jun akan layak menerima bantuan tunai untuk bulan permohonan dan seterusnya," katanya.

Mengenai landskap subsidi diesel di Malaysia, Amir Hamzah berkata, dengan jumlah subsidi diesel yang besar diberi oleh kerajaan ketika ini, harga runcit diesel di Malaysia menjadi antara yang terendah di dunia.

Untuk rekod, harga diesel di Malaysia dijual pada empat harga yang berbeza mengikut subsidi iaitu RM1.65 bagi nelayan; RM1.88 bagi pengangkutan awam darat; RM2.15 bagi kenderaan komersial dan persendirian, serta harga pasaran tanpa subsidi bagi sektor komersial yang pernah mencecah RM3.60 awal tahun ini.

Amir Hamzah berkata, pada masa yang sama harga di negara jiran lebih tinggi, kira-kira RM4 di Thailand, RM4.50 di Indonesia malah hampir mencecah RM9 di Singapura, dan keadaan ini mengundang penyeludupan ke negara jiran serta penyelewengan ke sektor komersial yang tidak layak menggunakan diesel bersubsidi.

SINAR HARIAN
Tarikh: 1...0..JUN..2024.....

Bantuan RM200 sebulan bukan untuk setiap kenderaan

Sinar
10/6

PUTRAJAYA - Subsidi diesel sebanyak RM200 sebulan hanya akan diberikan buat individu berkelayakan dan bukan bergantung kepada jumlah kenderaan yang dimiliki.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, pemberian secara tunai itu terpakai buat individu meskipun masih mempunyai beberapa kenderaan ber diesel yang lain.

Bagaimanapun menurut beliau, pemohon yang mendaftar melalui syarikat layak untuk memohon bantuan menerusi mekanisme Sistem Kawalan Diesel Subsidi 2.0 (SKDS 2.0).

"Selalunya kalau ada banyak jenis kenderaan, mereka perlu memohon kad *fleet* untuk mendapat diesel bersubsidi.

"Di bawah SKDS 2.0 penyasaran subsidi diperluaskan kepada 23 jenis kenderaan diesel termasuk yang mengangkut hasil pertanian, buah-buahan dan sayur-sayuran," katanya.

Sebelum ini, MoF membuka permohonan bantuan subsidi tunai di bawah inisiatif Budi Madani sebagai langkah memastikan peruntukan terbabit disasarkan kepada pemohon yang layak dan mengurangkan beban golongan memerlukan.

Kedua-dua mekanisme penyasaran subsidi diesel iaitu SKDS 1.0 dan SKDS

2.0 terletak di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN).

SKDS 1.0 khusus untuk pengangkutan awam, bas sekolah, bas henti-henti, bas ekspres, ambulans, bomba, van jenazah manakala SKDS 2.0 bagi pengangkutan logistik terutamanya barangan keperluan harian.

Amir Hamzah memaklumkan, berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, seramai 80 peratus pemilik kenderaan persendirian yang menggunakan diesel layak menerima RM200 bantuan berkenaan.

"RM200 ini dapat menampung jarak perjalanan anggaran 75 hingga 100 kilometer, saya rasa ia cukup.

"Jika ada apa-apa isu (bantuan tunai tak mencukupi) boleh buat rayuan tapi kita kena tengok dari segi kemampuan (kerajaan) dan kesahihan permohonan yang dibuat," ujarnya.

Beliau turut menambah, mana-mana individu daripada kalangan petani atau golongan kurang mahir melakukan permohonan secara dalaman, boleh hubungi pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk pertanyaan lanjut.

"Kalau betul-betul tak mahir mohon di laman sesawang Budi Madani, pegawai akan tolong sehingga permohonan bantuan subsidi diesel berjaya," jelasnya lagi.

SINAR HARIAN

Tarikh: 10 JUN 2021

Harga diesel diapung RM3.35 seliter mulai tengah malam tadi

Kerajaan akan umum harga seterusnya mengikut amalan biasa pada setiap Rabu

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Harga diesel mula diapungkan dengan harga permulaan di semua stesen runcit petrol di Semenanjung ditetapkan pada RM3.35 seliter bermula tengah malam tadi.

Harga berkenaan ialah harga pasaran tanpa subsidi berdasarkan purata bulan Mei 2024, mengikut Mekanisme Penetapan Harga Automatik yang sedia ada.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dalam sidang media khas di sini, semalam, berkata kerajaan akan mengumumkan harga seterusnya mengikut amalan biasa, iaitu pengumuman harga RON95, RON97 dan diesel setiap Rabu, namun akan terus memantau keadaan semasa bagi mengelakkan ketidakstabilan harga.

Harga semasa diesel sebelum ini ialah RM2.15 seliter. Harga runcit diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan bagaimanapun kekal.

Melalui penetapan harga dan pelaksanaan subsidi berdasar ini, beliau berkata, kerajaan menjangka pengurangan serta-merta kerugian akibat aktiviti ketirisan yang boleh membawa penjimatan RM4 bilion setahun.

"Keputusan penyasaran subsidi (oleh kerajaan) bukan langkah mudah, malah ia diberi perha-



Amir Hamzah pada Sidang Media Penyasaran Subsidi Diesel di Kompleks Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

tian khusus. Kita mahu hentikan ketirisan yang merugikan rakyat dan negara, tahun demi tahun kita tanggung kerugian besar dan boleh merencatkan ekonomi negara," katanya.

Beliau menegaskan, penjaminan diperolehi kerajaan itu akan membolehkan lebih banyak sumber untuk disalurkan dalam sektor kritikal lain, sekali gus meningkatkan kualiti hidup rakyat, termasuk menyedia infrastruktur awam, penjagaan kesihatan dan pendidikan.

"Sekali lagi, saya ingin memohon, mengingatkan rakyat Malaysia yang layak memohon bantuan tunai BUDI MADANI.

"Yang memohon pada bulan Jun akan layak terima bantuan tunai untuk bulan itu, dan seterusnya. Yang terlepas, akan layak terima bantuan untuk bulan permohonan dan seterusnya," katanya lagi.

Amir Hamzah berkata, serentak dengan itu, sebanyak 30,000 pemilik kenderaan diesel persen-

dirian kategori B40 akan menerima RM200 menerusi program BUDI MADANI yang diagihkan hari ini.

Katanya, permohonan untuk mendapatkan subsidi bersasar itu terus dibuka dan menyeru sesiapa yang layak namun belum mendaftar dengan program BUDI MADANI untuk berbuat demikian.

Pada sidang media itu beliau juga menjelaskan, melalui pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, kerajaan menetapkan harga diesel kepada sektor yang layak di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 yang menggunakan kaedah 'leet card' bagi kenderaan logistik untuk membendung kesan kenaikan terhadap harga barangan pengguna dengan harga ditetapkan pada RM2.15 seliter.

Selain itu, SKDS 1.0 pula bagi kenderaan pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, ambulans dan bomba kekal pada harga RM1.88 seliter

BUDI MYSUBSIDI DIESEL

10 Jenis Pengangkutan Awam

- Bas Sekolah
- Bas Ekspres
- Bas Henti-henti
- Bas mini
- Bas Pengantara
- Kereta Sewa
- Teksi
- Van dan Lori Mayat
- Ambulans
- Kereta Bomba

9 Jenis Kenderaan Pengangkutan Barangan

- Lori Rigid - Kargo Am
- Penggerak Utama
- Lori Rigid - Lutor/Kotak
- Lori Rigid - Tangki Air
- Lori Rigid - Minuman Botol
- Lori Rigid - Refrigerated
- Lori Rigid - Tangki Tepung
- Window Van
- Panel Van



14 Jenis Pertambahan Kenderaan Pengangkutan Barangan Baharu

- Lori Rigid - Curtainsider
- Lori Rigid - Hasil Pertanian
- Lori Rigid - Kandang Halwan
- Lori Rigid - Kombinasi
- Lori Rigid Open Platform
- Bas Food Catering
- Van Food Catering
- Lori Food Catering
- Lori Tangki Rigid - Minuman
- Semi - Panel Van
- Bas Perkhidmatan Bergerak
- Van Perkhidmatan Bergerak
- Lori Rigid - Perkhidmatan Bergerak
- Lori Rigid - Sampah

dan diesel bersubsidi untuk nelayan kekal pada harga RM1.65 seliter," katanya.

Harga antara terendah dunia

Amir Hamzah memaklumkan, ketika ini, harga diesel di Malaysia, yang menjadi antara terendah di dunia berikutan jumlah subsidi besar yang diberikan kerajaan, dijual pada empat harga berbeza mengikut subsidi.

Pada 24 Mei lalu, Amir Hamzah berkata, subsidi diesel menyebabkan kerajaan menanggung kos RM1 bilion sebulan, manakala kerugian daripada ketirisan berjumlah RM4.5 juta sehari.

Pelaksanaan subsidi bersasar untuk diesel adalah antara langkah pembaharuan utama di ba-

wah rangka kerja Ekonomi Madani untuk memastikan pengurusan fiskal yang mampan dan menangani isu ketirisan serius dalam sistem, tanpa menjejaskan kebajikan rakyat.

Bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada peniaga komersial, pengangkutan awam, dan individu seperti peniaga kecil dan petani.

Ketika menyampaikan Perutusan Negara yang disiarkan secara langsung di semua saluran media tempatan pada 20 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, Jemaah Menteri bersetuju menyalurkan pemberian subsidi ke atas diesel yang berupaya menjimatkan wang kerajaan RM4 bilion setahun.

Harga diesel RM3.35 seliter

Oleh MOHD. HUSNI
MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Harga diesel di semua stesen runcit petrol di seluruh Semenanjung Malaysia ditetapkan pada kadar RM3.35 seliter bermula hari ini.

Kenaikan sebanyak RM1.20 seliter itu, bagaimanapun boleh berubah setiap minggu mengikut harga semasa.

Penyasaran subsidi diesel ini dilaksanakan serentak dengan bantuan bersasar untuk sektor logistik di bawah sistem kawalan diesel bersubsidi (SKDS).

Bermula hari ini juga, seramai

● Berubah setiap minggu ikut harga semasa

● 30,000 terima subsidi RM200

30,000 pemilik kenderaan diesel individu menerima RM200 bantuan tunai bulanan pertama menerusi Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani).

Menteri Kewangan II, Da-

tuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, tetapan itu dibuat berdasarkan purata bulan Mei 2024 mengikut formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

"Bagi tempoh seterusnya, harga diesel semasa akan diumumkan pada setiap minggu mengikut amalan semasa Kementerian Kewangan.

"Namun, kerajaan akan terus memantau keadaan semasa bagi mengelak ketidakstabilan harga," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Amir Hamzah berkata, dengan penetapan harga dan pelaksanaan subsidi bersasar ini, kerajaan menjangkakan

pengurangan serta-merta kerugian daripada aktiviti ketirisan yang boleh membawa kepada penjimatan sebanyak RM4 bilion setahun.

Beliau berkata, penjimatan yang diperoleh kerajaan daripada langkah penting ini akan disalurkan ke dalam sektor kritikal lain secara langsung.

Menurutnya, penjimatan juga akan disalurkan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat termasuk infrastruktur awam, penjagaan kesihatan dan pendidikan untuk anak-anak.

Bersambung di muka 2

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 11.0 JUN 2024.....

Harga diesel RM3.35 seliter

Dari muka 1

Katanya, Kementerian Kewangan telah membuka permohonan bantuan subsidi tunai dibawah inisiatif Budi Madani sebagai langkah memastikan peruntukan disasarkan kepada yang layak dan mengurangkan beban golongan memerlukan.

"Saya ingin tegaskan, bantuan ini tidak ada tankh tutup, oleh itu saya menyeru kepada mereka yang sememangnya berkelayakan sama ada bagi Budi Individu atau Budi Agri-Komoditi.

"Mereka yang memohon pada Jun akan layak menerima bantuan tunai untuk bulan itu dan seterusnya. Mereka yang terlepas membuat permohonan pada bulan Jun akan layak menerima bantuan tunai bagi bulan permohonan dan seterusnya," katanya.

Sebelum ini, harga diesel dijual pada empat harga yang berbeza mengikut subsidi iaitu RM1.65 seliter bagi nelayan; pengangkutan awam darat (RM1.88 seliter); kenderaan komersial dan persendirian (RM2.15 seliter) dan harga pasaran tanpa subsidi bagi sektor komersial yang pernah mencecah RM3.60 awal tahun ini.

Amir Hamzah menambah, keputusan kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi diesel adalah bagi mengekang aktiviti penyeludupan dan penyelewengan.

Menurut beliau, secara logiknya aktiviti penyeludupan dan penyelewengan itu dapat dikurangkan secara drastik.

"Saya ingin tegaskan bahawa apa yang dilakukan kerajaan hari ini adalah menyasarkan semula subsidi untuk golongan yang benar-benar layak sahaja.

"Kita mahu menghentikan ketirisan yang amat merugikan rakyat dan negara," ujarnya.

Jelasnya, kerajaan selama ini menampung kerugian besar dan ini boleh merencat kemakmuran yang sepatutnya menjadi milik kita.



PENYASARAN subsidi diesel membolehkan aktiviti penyeludupan dan penyelewengan dibendung.

Amir Hamzah berkata, penyasaran subsidi ini sekali gus mengukuhkan kedudukan kewangan negara untuk jangka masa panjang.

Menurutnya, keputusan mengenai penyasaran subsidi diesel bukanlah satu langkah mudah untuk diambil dan ia dibuat secara tidak terburu-buru.

"Kerajaan telah memberi perhatian khusus untuk mengkaji dan memastikan mekanisme terbaik bagi melindungi sektor dan individu yang layak dibantu supaya kegiatan ekonomi tidak terganggu," katanya.

Katanya, kerajaan berdepan kerugian berbilion ringgit hasil daripada aktiviti penyeludupan dan penyelewengan diesel setiap tahun dan sehingga mengecilkan keupayaan untuk membela kepentingan rakyat.

Jelasnya lagi, subsidi diesel juga meningkat 10 kali ganda dari RM1.4 bilion pada 2019 kepada lebih RM14.3 bilion tahun 2023.

"Bukan sahaja negara dan kerajaan, malah rakyat juga menanggung kesan daripada aktiviti-aktiviti 'mengkhianati' hasil negara ini," katanya.

Menurut beliau, pada masa ini, harga diesel di negara jiran lebih tinggi iaitu lebih ku-

rang RM4 seliter di Thailand; RM4.50 (Indonesia) dan hampir mencecah RM9 (Singapura).

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali menjelaskan, sejumlah 33 jenis kenderaan pengangkutan awam dan barangan akan terus menikmati diesel bersubsidi melalui penggunaan *fleet card* di bawah SKDS.

Katanya, syarikat pengangkutan awam dan barangan yang telah memperoleh kelulusan SKDS tetapi belum menerima *fleet card* daripada syarikat minyak dikehendaki menyimpan resit pembelian diesel bermula hari ini.

"Ini bagi membolehkan tuntutan pembayaran balik tunai dibuat kepada Kementerian Kewangan mengikut tatacara permohonan yang akan diumumkan kelak.

"Pada masa sama, Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyeru syarikat pengangkutan yang layak tetapi masih belum memohon kelulusan subsidi diesel untuk segera berbuat demikian melalui pautan <https://mysubsidi.kpdn.gov.my> dan seterusnya memohon *fleet card* daripada syarikat minyak pilihan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:1..0..JUN...2024...

Reformasi gaji elak rakyat bekerja sampai sakit

AM
10/6

Oleh AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan dituntut melaksanakan reformasi gaji secara menyeluruh bagi menjaga kebajikan 16.51 pekerja sekali gus mengelakkan mereka terpaksa bekerja 'sampai sakit' kerana simpanan hari tua tidak mencukupi.

Antara reformasi tersebut meningkatkan kadar gaji minimum pekerja yang ketika ini RM1,500, wajibkan kenaikan gaji tahunan dan menambah kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) majikan.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kamarul Baharin Mansor berkata, reformasi gaji menyeluruh itu akan dapat membantu pekerja meningkatkan kadar caruman KWSP dan men-

jamin mereka mempunyai simpanan hari tua mencukupi.

Menurut beliau, dengan reformasi menyeluruh itu sekali gus, sebahagian besar pekerja di negara ini tidak perlu bekerja sehingga sakit mahupun meninggal dunia untuk menampung keperluan harian seperti yang didedahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

"Simpanan rendah kerana gaji mereka rendah. Kalau simpanan KWSP berkurang, apatah lagi simpanan tabungan sendiri. Sebab itu mereka perlu bekerja selagi mana hayat ada untuk menampung keperluan," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Perdana Menteri sebelum ini mendedahkan, sebanyak 26.1 peratus rakyat Malaysia berumur 60 tahun ke atas dijangka terus bekerja sehingga menghadapi masalah kesihatan ekoran

terpaksa mencari wang untuk memenuhi keperluan di hari tua.

Dapatan itu hasil tinjauan terbaharu oleh KWSP ke atas para pencarum.

Anwar dilaporkan berkata, hanya 29 peratus rakyat mempunyai pencen atau kewangan yang cukup semasa bersara dan ia menjadikan kumpulan warga emas lebih terdedah kepada kemiskinan berbanding purata rakyat Malaysia.

Pada masa sama, Kamarul Baharin berkata, MTUC meminta kerajaan menjelaskan perkembangan berhubung cadangan menaikkan caruman KWSP majikan kepada 20 peratus berbanding 13 peratus ketika ini.

Katanya, ini kerana Perdana Menteri tahun lepas pernah memaklumkan perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri namun sehingga kini tiada seba-

rang perkembangan.

Kata beliau, kenaikan gaji tahunan pula perlu diwajibkan kerana usaha itu tidak tertakluk di dalam Akta Kerja 1955 sekali gus menyebabkan majikan mengam-bil jalan mudah dengan tidak menaikkan pendapatan mereka.

Sedangkan, katanya, langkah itu bukan hanya dapat meningkatkan simpanan persaraan, namun pendapatan mereka juga dapat seiring perubahan semasa.

"Orang bekerja adalah untuk menyediakan makanan di atas meja dan dengan anak semakin membesar, jika tiada perubahan tangga gaji, maknanya tidak berlaku apa-apa perubahan pada (pendapatan) diri sendiri dan keluarga," katanya.

Beliau turut berkongsi gaji terkini seorang pekerja kilang yang sudah bekerja 25 tahun, tetapi cuma mendapat RM1,600 sebulan.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 10 JUN 2024...

'Diesel price float to have minimal impact on inflation'

NSI
14/6

KUALA LUMPUR: Economists believe the government has done enough to ensure that the floating of diesel prices for Peninsular Malaysia from today will have minimal impact on inflation and consumer prices.

Peninsular Malaysia's diesel prices will go up RM1.20 a litre from today to RM3.35 a litre.

"The government has provided some cushion to the inflationary effects by providing the Budi Madani subsidy credit monthly for diesel car users whose annual income is less than RM100,000 per annum. This is to ensure it will not burden those who deserve support," said Tradeview Capital Sdn Bhd chief executive officer Ng Zhu Hann.

He said the price of essential

goods would not be affected by the increase in diesel price due to the Budi Madani programme.

The MySubsidi Diesel Fleet Card programme and the Budi Madani subsidy will help businesses, low- to middle-income individuals who use diesel vehicles and plantation workers manage the higher diesel cost.

Today, the government will pay out RM200 in cash aid to some 30,000 owners of private diesel vehicles who have registered for the Budi Madani and Budi Madani Agri-Commodity programmes.

Economist Dr Geoffrey Williams said consumers were not expected to see price increases for goods and services due to the diesel price hike.

"They have to use more than 167

litres before it costs more. Most will be better off if they can economise on how much they use.

"For almost everyone, nothing will change. For a small number of private diesel users, costs will rise and they should consider better options.

"So if people see prices rising and companies blaming subsidy rationalisation, they should report the company or stop buying from them and find a better deal from someone else."

He said the policy was expected to have a minimal impact on inflation and consumer prices, as diesel only makes up 0.2 per cent of the Consumer Price Index.

He said even with the diesel price increase, the overall inflation rate was expected to stay well

within the government's target of 3.5 per cent.

IDEAS Malaysia economist and assistant research manager Doris Liew said the policy would help the government reduce its subsidy spending by about RM4 billion annually.

Additionally, by curbing the abuse of subsidised diesel, such as private entities buying and reselling it across borders at higher prices, the government could save money without negatively impacting the domestic market, said Liew.

Williams said the government must communicate the progress, successes and benefits of the policy so that the people could see how it was working.

The Economy Rice podcast's

macroeconomic analyst, Aaror Pek, said the government should take a wait-and-see approach before reacting to any possible resulting inflation from the removal of diesel subsidies.

"The resulting inflation will be and large self-regulate by broadly reducing aggregate demand across the economy. However, seeking to boost aggregate demand via government stimulus might only serve to worsen inflation."

He said the long-announced targeted subsidies under the Pangkalan Data Utama scheme as well as the recent hike in wage of government employees, were likely to provide some assistance to those most heavily affected by the removal of fuel subsidies. Reporting by S. Joan Santani

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 1...0 JUN 2024.....

30,000 TO GET BUDI MADANI CASH AID

Eligible private diesel vehicle owners, smallholders will get RM200 a month

FUAD NIZAM
AND IYLIA MARSYA ISKANDAR
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

SOME 30,000 recipients of the Budi Madani Individual and Budi Madani Agri-commodity cash aid programmes will have RM200 deposited into their accounts from today.

Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan said this group comprised individuals and smallholders who have been approved to receive cash subsidies under the Budi Madani initiative.

"The programme provides a cash aid of RM200 per month to eligible Malaysians who own private diesel vehicles and small traders to help cover the increased cost of diesel fuel," he told reporters here yesterday.

He said some 80 per cent of diesel users would receive enough aid under the Budi Madani programme to make up the difference between the current diesel price and the new price of RM3.35 per litre.

The aid amount, he said, was determined after studying data of diesel usage and data from the



Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (left) says some 80 per cent of diesel users will receive enough aid under the Budi Madani programme to cushion the higher price of diesel. PIC BY ASWADI ALIAS

Department of Statistics Malaysia (DoSM).

"The data from DoSM came from surveys in Malaysia involving diesel vehicles, especially in Peninsular Malaysia."

He said cash assistance was chosen based on the data.

He urged eligible groups who had yet to sign up for the Budi Madani programme to do so as there was no deadline.

"I would like to remind eligible Malaysians to apply for the Budi Madani cash assistance."

"Those who apply in June will be eligible to receive cash assis-

tance this month.

"Those who missed the chance to apply in June will be eligible to receive cash assistance for the month of their application and the subsequent months."

Diesel subsidies for certain groups in Peninsular Malaysia will end today. The price for a litre of diesel will be RM3.35 a litre, up from RM2.15.

Amir said the unsubsidised price was based on the average for May this year, calculated with the automatic pricing mechanism formula.

"With the targeted assistance

mechanism in place, the government is now ready to adjust the diesel price for all states throughout Peninsular Malaysia."

"The diesel price will be announced weekly, following the current practice of the ministry."

He said the government would monitor the situation to avoid price instability.

He gave an assurance that the decision to implement the targeted diesel subsidy "was not rushed" and the government had given attention to ensuring the best mechanism to protect sectors and individuals eligible for

aid to ensure economic activities were not disrupted.

With the subsidy rationalisation, the government expected to see an immediate reduction in losses from leakages, leading to annual savings of RM4 billion.

"The amount of subsidised diesel increased sharply from 6.1 billion litres in 2019 to 10.8 billion litres in 2023, even though the number of diesel vehicles did not increase significantly."

"Diesel subsidies have increased tenfold from RM1.4 billion in 2019 to more than RM14.3 billion in 2023."

"The government's savings from this crucial step will ensure that more resources can be channelled into other critical sectors, which will directly improve the people's quality of life, including public infrastructure, healthcare and education for our children."

When announcing the fuel subsidy rationalisation in a national address on May 21, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said diesel subsidies would be withdrawn for "the rich and foreigners".

To prevent any drastic increase in the cost of goods and services, he said subsidies would continue for traders using diesel-powered commercial vehicles and for public transportation.

Diesel subsidies will also continue for some categories of fishermen.

Anwar said cash aid would be given to eligible individuals who own private diesel-powered vehicles, such as small traders and farmers, among others.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 11 JUN 2024



Deputy Entrepreneur Development and Cooperatives Minister Datuk R. Ramanan (second from right), accompanied by Malaysia Co-operative Societies Commission executive chairman Rusli Jaafar (right), at the Jualan Madani Koperasi event in Petaling Jaya on Saturday. BERNAMA PIC

36 EVENTS HELD

90,500 have benefited from Madani sales since January

PETALING JAYA: A total of 36 Jualan Madani Koperasi (JMK) programmes have been held in 19 parliamentary constituencies nationwide since January, benefiting 90,535 consumers.

Deputy Entrepreneur Development and Cooperatives Minister Datuk R. Ramanan said the programme recorded RM3.6 million in sales through 95 cooperatives appointed as sales operators.

He said the ministry, through the Malaysia Cooperative Societies Commission (SKM), had allocated RM1 million in incentives for cooperatives to provide discounts at JMK programmes.

In such events, sugar, flour, oil, milk, eggs and other essential goods were sold at up to 20 per cent discount.

"The programme, organised by the ministry through SKM and in

collaboration with parliamentary service centres, aimed to help people obtain essential goods at affordable prices.

"I hope the JMK programme will continue for the wellbeing of the people," he said after visiting a JMK event at the Petaling Jaya City Council multipurpose hall on Saturday.

Present was SKM executive chairman Rusli Jaafar.

Ramanan, who is Sungai Buloh member of parliament, said JKM visitors would get a 50 per cent discount for one hour or until the goods designated for the "happy hour" were sold out.

He handed over contributions to SKM's emergency fund, which would be used to aid cooperatives affected by natural disasters, such as floods, landslides and fires.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 10 JUN 2024

4.70 OR LOWER

NCT
15/6

Ringgit likely to be softer against US dollar this week

KUALA LUMPUR: The ringgit is likely to trade softer against the US dollar this week, revisiting the 4.70 level or lower, after the US non-farm payrolls (NFP) data released on Friday came in stronger than expected, said Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid.

The NFP increase would possibly push up the demand for the greenback, he said.

The immediate-term outlook for the ringgit was previously seen as constructive, with analysts expecting the currency to hold under 4.70 to the US dollar.

However, the NFP report, which showed 272,000 new jobs in May compared to the consensus projection of 182,000, has changed the perspective.

"Markets will be digesting the new data and steps made by the US, especially after central banks began to lower interest rates.

"They will be looking at the NFP alongside other economic data, which previously showed the US manufacturing sector's weak performance, US job openings report for April, US hiring report by private employers in May, and initial jobless claims."

Afzanizam said markets would monitor closely the Federal Open Market Committee meeting this week.


He said while the US Federal Reserve (Fed) is expected to keep the rates unchanged, its latest macroeconomic projection would be the main focus.



PIC BY MOHAMAD SHAHIL BADRI SAALI

US JOBS

Total non-farm employment monthly, in thousands*



Preliminary data
Source: US Bureau of Labor Statistics

AFP

INFOGRAPHIC: NST

"In particular, the forecast for the Federal Funds Rate - whether they will stick to their game plan to cut rates this year. This will be the guiding principle and will dictate market sentiment in the near term," he added.

On a Friday-to-Friday basis, the ringgit appreciated to 4.6900/6940 against the US dollar from 4.7050/7080.

The ringgit was traded lower versus a basket of other major currencies.

It fell against the British pound to 6.0009/0060 from 5.9876/9914 the previous Friday, eased ver-

sus the euro to 5.1079/1122 from 5.1035/1068 and slipped vis-a-vis the yen to 3.0163/0190 from 2.9901/9922.

The ringgit was traded mixed against Asean currencies.

It was higher versus the Philippine peso at 8.01/8.02 compared with 8.03/8.05 a week earlier and appreciated against the baht to 12.8465/8627 from 12.7860/7994 previously.

However, it slipped versus the Indonesian rupiah to 289.5/289.9 from 289.4/289.7 and fell vis-a-vis the Singapore dollar to 3.4872/4905 from 3.4803/4828. **Bernama**

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 10 JUN 2024